

Headline	TH anjur liga paintball dekati belia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Varsiti	Circulation	125,514
Page No	V16	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	412 cm ²
Journalist	Muhammad Sufian Rosli	AdValue	RM 14,202
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,606



TH anjur liga paintball dekati belia

Oleh Muhammad Sufian Rosli
 bhvarsiti@bh.com.my
 Kota Bharu

Tabung Haji (TH) melalui Kelab TaHa@U menganjurkan Kejohanan Liga Paintball Wilayah Zon Timur dalam usaha mendekati belia bagi memupuk kesedaran mengenai kepentingan membuka akaun untuk persediaan menunaikan haji.

Pengarah TH Pahang, Musalimah Mustaffa, berkata program berlangsung kali kedua itu memabitkan 52 pasukan mahasiswa universiti awam (UA) dan swasta dari Kelantan, Pahang serta Terengganu.

"Program ini adalah aktiviti tahunan kelab untuk kami mendekati belia dalam usaha memupuk

kesedaran mengenai kepentingan membuka akaun TH. Kita tidak mahu TH dilabel sebagai hanya untuk mereka yang berusia.

Jutara berturut-turut
 "Kesedaran mengenai kepentingan membuka akaun itu perlu dipupuk sejak kecil bagi memastikan TH sentiasa sinonim dengan segenap lapisan umat Islam di negara ini," katanya selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang kejohanan di Politeknik Kota Bharu (PKB) dekat sini, baru-baru ini.

Pada saingan itu, PKB Dynamite Legion membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000 berserta trofi dan sijil

selepas mempertahankan kejuaraan dua kali berturut-turut.

Kursus haji untuk pelajar
 Sebanyak 10 pasukan terbaik akan mewakili Zon Timur ke pertandingan peringkat kebangsaan dijadualkan berlangsung di Universiti Malaya (UM) pada November depan.

Mengulas lanjut, Musalimah berkata, ada sekolah meminta TH mengadakan kursus haji untuk pelajar dalam usaha mendidik golongan itu mengenai ibadat berkenaan dari peringkat awal.

"Kini juga ada cara lebih mudah untuk menyimpan dalam akaun TH, iaitu dengan menggunakan simpanan daripada akaun

dua Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan tidak perlu menunggu wang mencukupi hingga RM1,300 dalam akaun, bagi melayakkan mereka menunaikan haji," katanya.

Fakta nombor

Kejohanan Liga Paintball Wilayah Zon Timur

10 PASUKAN terbaik mewakili Zon Timur ke peringkat kebangsaan

Headline	TH anjur liga paintball dekati belia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Varsiti	Circulation	125,514
Page No	V16	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	412 cm ²
Journalist	Muhammad Sufian Rosli	AdValue	RM 14,202
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,606



Sorakan gembira pemenang Kejohanan Liga Paintball Wilayah Zon Timur.



Musalimah (berdiri, tiga dari kiri) bersama-sama pasukan pemenang.